


Tip 11 kriteria laman web Yang baik.



Disediakan oleh:

Meor Shukri

admin@jomwebtemplate.com
<http://www.jomwebtemplate.com>

Anda dibenarkan untuk mencetak dokumen ini sebagai rujukan. Anda juga boleh memberikan ebook ini kepada sesiapa yang dikehendaki, atau sebagai bonus percuma kepada jualan produk anda. Tetapi anda dilarang dari mengubah suai kandungan asal manual ini atau menjual produk ini kepada pengguna lain.

Kriteria Laman Web Yang Baik

Terdapat beberapa perkara penting yang harus diambil kira semasa merekabentuk laman web. Tips berikut amat bagus bagi menghasilkan laman web yang baik dan menggembirakan pengunjung anda:

1. Rekabentuk laman web yang simple dan mudah. Ingat, tujuan anda membina laman web ialah untuk menyampaikan info tentang produk anda kepada pelawat. Jadikan laman web anda ringkas dari menggunakan gambar dan animasi yang terlalu banyak sehingga mengganggu fokus pengunjung anda terhadap info yang anda sediakan.
2. Objektif. Pastikan anda tahu dan faham apa tujuan laman web tersebut dibina kerana ia akan mempengaruhi pelbagai aspek rekabentuk laman web seperti penggunaan warna, sasaran pengguna, teknologi, dsb. Isi laman web juga haruslah fokus kepada objektif.
3. Kedudukan link/menu perlu konsisten. Anda perlu menyediakan link pada kedudukan yang tetap. Jika dalam fail utama link anda berada dibahagian tengah atas, pastikan page lain juga mempunyai link pada kedudukan yang sama.
4. Gambar yang digunakan hendaklah optima supaya ia cepat diload dan tidak terlalu berat. Rekabentuk grafik yang menarik menjadikan laman web anda unik dan menarik di pandangan mata pengunjung, tetapi ingat, hanya letak gambar-gambar yang

berkaitan sahaja (gambar produk anda). Pemilihan konsep warna yang sesuai juga amat penting.

5. Navigasi. Apa itu navigasi? Navigasi ialah perjalanan web anda dari satu halaman ke satu halaman berdasarkan link yang anda telah buat. Pastikan anda merekabentuk link/menu anda dengan jelas dan mudah untuk dilihat pengunjung. Pilih warna yang sesuai supaya ianya dapat dibezakan dan kelihatan jelas.

Penting : Pastikan navigasi yang mudah untuk proses pembelian dan pembayaran.

6. Logo dan nama. Pastikan logo atau nama laman web anda dipaparkan dengan jelas kerana ianya adalah identity perniagaan anda.
7. Font. Anda perlu pilih font yang standard sahaja seperti Arial, Verdana atau Times New Roman. Jika anda menggunakan font yang bukan standard, ada 2 perkara mungkin berlaku:-
 - a. Menyusahkan pengunjung anda membaca. (Font Script)
 - b. Mungkin ada pengunjung yang tidak dapat melihat dan membaca kerana font tersebut tiada di dalam komputer mereka.
8. Cara menghubungi anda. Anda perlu sediakan kaedah atau cara bagaimana pengunjung boleh menghubungi anda sama ada melalui email, form atau telefon.

9. Isi kandungan web anda. Anda perlu pastikan maklumat yang anda sediakan dalam web adalah berkaitan dengan perniagaan anda dan mencukupi, kerana pengunjung akan merasa puas hati dengan info yang lengkap. Mereka mungkin akan membuat belian jika mereka yakin dengan produk anda.
10. Pastikan link yang anda buat di laman web berfungsi.
11. Susunan. Pastikan susunan grafik, button, text dan link disusun dengan baik dan tersusun. Laman web yang berterabur membuatkan pengunjung tidak akan lawati web anda untuk kali ke-2 dan seterusnya.

Tips:

- a. Cara terbaik untuk anda mendapat idea bagaimana membina laman web ialah dengan melihat laman web orang lain.
- b. Rekabentuk laman web yang baik mengandungi 3 unsur utama iaitu :-
 - Menarik (attractive)
 - Mudah digunakan (user friendly)
 - Laman web bermaklumat (full of information)
- c. Ingat, tujuan anda membina laman web bukan semata-mata untuk menghasilkan laman web yang cantik dan menarik, tetapi yang lebih penting ialah maklumat dan mesej yang anda ingin sampaikan kepada pengunjung tercapai.

Link Berkaitan

Ketahui rahsia bina laman web perniagaan dengan cara paling mudah. Pakej ini menawarkan template yang lengkap dipasang borang tempahan, borang opt-in dan borang feedback beserta dengan autoresponder. Ketahui rahsianya! Layari <http://www.jomwebtemplate.com>



51 PSD Web Header khas untuk memudahkan anda membina grafik header untuk laman web anda. Anda dapat membina grafik web header yang professional dengan mudah dan cepat. Di samping itu, dapatkan bonus PERCUMA dari pakej PSD Web Header ini. Layari <http://www.nichepsdheader.com>



Pakej PSD Header

Dapatkan Web Hosting dengan harga yang rendah, mengikut kemampuan anda. Kami senaraikan lebih dari 20 web hosting provider sebagai pilihan kepada anda. Layari <http://www.bajetwebhosting.com>

Hak cipta terpelihara © 2007 www.JomWebTemplate.com. Semua kandungannya tidak boleh dicetak, diedarkan tanpa kebenaran pemilik. Sebarang cadangan sila hubungi admin@jomwebtemplate.com. 5

Ketahui rahsia bagaimana anda boleh senaraikan laman web anda ke dalam search engine Google, Yahoo dan MSN. Dapatkan panduan mudah SEO (Search Engine Optimization) tersebut di <http://www.jomwebtemplate.com/ebookseo>



Pakej eBook SEO 3G

Terima kasih dari JWTC!